

PENDEKATAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM MENURUT TOKOH ILMUAN ISLAM: IMAM AL-GHAZALI

THE ISLAMIC EDUCATION CURRICULUM APPROACH ACCORDING TO AN ISLAMIC SCHOLAR: IMAM AL- GHAZALI

Nor Izwani Daud¹
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²
Siti Suhaila Ihwani³

¹Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(E-mail: norizwani@graduate.utm.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(Email: muhammadtalhah.j@utm.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia
(E-mail: sitisuhaila@utm.my)

Article history

Received date : 10-2-2025
Revised date : 11-2-2025
Accepted date : 19-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Daud, N. I., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Ihwani, S.
S. (2025). Pendekatan kurikulum pendidikan islam
menurut tokoh ilmunan islam: Imam Al-Ghazali.
*Journal of islamic, social, economics and
development (JISED)*,10 (71), 489- 502.

Abstrak: Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk akhlak dan karakter individu Muslim yang diwarisi melalui pemikiran dan pendekatan ilmunan Islam. Imam al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh terkemuka dalam sejarah pendidikan Islam. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar kepada falsafah pendidikan melalui karyanya yang masyhur iaitu *Ihya' Ulum al-Din*. Beliau dikenali sebagai "Hujjatul Islam" kerana usaha gigihnya dalam mengembangkan pendidikan yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang konsep pendidikan, tujuan pendidikan, kurikulum, prinsip, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta kaedah pengajaran guru menurut pandangan al-Ghazali. Kajian ini menggunakan pendekatan metode kepustakaan dengan meneliti artikel, sumber internet dan bahan ilmiah berkaitan. Konsep pendidikan menurut al-Ghazali menekankan kesepaduan ilmu naqli dan aqli manakala tujuan pendidikan adalah mendekatkan diri kepada Allah. Prinsip dan pendekatan yang ditekankan oleh al-Ghazali seperti keikhlasan guru, kasih sayang kepada pelajar dan penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, penting untuk mengaplikasikan kembali falsafah pendidikan al-Ghazali dalam sistem pendidikan kontemporari untuk membentuk individu yang holistik dalam aspek spiritual, fizikal dan intelektual.

Kata Kunci: Al-Ghazali, Falsafah, Kurikulum, Pendidikan Islam

Abstract: *Islamic education plays a crucial role in shaping the morals and character of Muslim individuals, inherited through the thoughts and approaches of Islamic scholars. Imam al-Ghazali is one of the most prominent figures in the history of Islamic education. He has made significant contributions to educational philosophy through his renowned work, Ihya' Ulum al-Din. He is known as Hujjatul Islam due to his relentless efforts in developing an education system that integrates both naqli (revealed knowledge) and aqli (rational knowledge). Therefore, this article will discuss the concept of education, educational objectives, curriculum, principles, teaching and learning approaches and teaching methods according to al-Ghazali's perspective. This study employs a library research approach by analyzing articles, internet sources and related scholarly materials. Al-Ghazali's concept of education emphasizes the integration of naqli and aqli knowledge, while the primary goal of education is to bring individuals closer to Allah. The principles and approaches emphasized by al-Ghazali, such as teacher sincerity, love for students and the use of effective teaching methods, can enhance the effectiveness of education. Therefore, it is essential to reapply al-Ghazali's educational philosophy in contemporary education systems to develop holistic individuals in spiritual, physical and intellectual aspects.*

Keywords: *Al-Ghazali, Philosophy, Curriculum, Islamic Education*

Pengenalan

Para sarjana Islam pada zaman dahulu terkenal dengan penguasaan ilmu yang pelbagai, bersepadu dan mendalam (Nor & Nawawi, 2020). Mereka bukan sahaja cemerlang dalam bidang keilmuan tetapi memiliki keperibadian mulia dan kemahiran kepimpinan yang unggul. Ilmuan Islam terdahulu memainkan peranan penting sebagai pendidik, murabbi, muallim, muaddib dan pendakwah (Baba, 2006) yang telah meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat hingga kini. Warisan keilmuan mereka terutamanya dalam bentuk penulisan dan karya ilmiah yang menjadi panduan utama untuk memahami dan melaksanakan pendidikan Islam secara holistik.

Kehadiran sarjana Islam dalam pelbagai bidang ilmu berperanan sebagai rujukan utama dalam perkembangan ilmu yang merangkumi pelbagai aspek sekali gus menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan tamadun Islam, khususnya dalam bidang pendidikan (Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi 2023). Antara tokoh besar yang menjadi rujukan dalam falsafah pendidikan Islam ialah Imam Al-Ghazali atau lebih terkenal dengan Imam al-Ghazali. Ilmuan sanjungan ini merupakan cendekiawan Islam abad ke-5 Hijrah yang digelar Hujjatul Islam. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai ahli teologi, ahli falsafah dan ahli tasawuf tetapi juga sebagai seorang pendidik yang ulung (Musfioh, 2014) yang merumuskan visi holistik tentang matlamat dan kaedah pendidikan. Peranan al-Ghazali dalam pendidikan Islam terkenal menerusi karyanya iaitu Ihya' Ulum al-Din. Kitab ini membincangkan aspek-aspek akhlak, spiritual dan keilmuan sebagai teras pembentukan insan.

Sebagai seorang tokoh yang sangat berpengaruh, pandangan al-Ghazali tentang pendidikan tidak hanya membentuk pemikiran generasi terdahulu tetapi terus relevan dalam hala tuju pendidikan Islam pada zaman moden. Penekanannya kepada keseimbangan ilmu di dunia dan di akhirat merupakan asas utama untuk pembentukan individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kajian terdahulu telah meneliti pemikiran dan falsafah pendidikan al-Ghazali dari perspektif sejarah dan teori. Sebagai contoh, kajian oleh Nawawi (2022) membincangkan falsafah serta kurikulum pendidikan Islam menurut pandangan al-Ghazali

dengan menekankan kepentingan ilmu dalam pembentukan individu. Oleh itu, kajian ini akan menelusuri pendekatan kurikulum pendidikan Islam berdasarkan pemikiran al-Ghazali dengan memberi tumpuan kepada pengelasan ilmu, tahap perkembangan intelektual pelajar, serta kaedah pengajaran yang boleh disesuaikan dengan keperluan pendidikan semasa. Selain itu, kajian ini juga menyoroti peranan guru sebagai *mursyid* dalam membimbing pelajar. Di samping itu juga menerapkan keseimbangan antara ilmu naqli dan aqli bagi melahirkan individu Muslim yang holistik dan seimbang.

Latar Belakang Imam al-Ghazali

Al-Ghazali terkenal dengan julukan Hujjatul Islam, kerana pandangan dan wawasannya yang luas dalam berbagai disiplin ilmu agama (Artika et al., 2023). Di Barat, beliau dikenali sebagai 'algazel'. Nama sebenarnya ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali. Menurut Janin (2005) dan al-Dzahabi (2014), beliau digelar Hujjatul-Islam, Zain al-Abidin dan Siraj al-Mujtahidin serta dikenali sebagai al-Ghazali. Pada tahun 1058 Masihi atau 450 Hijrah, al-Ghazali dilahirkan di sebuah kawasan kampung yang dikenali Ghazalah terletak di Tus, Iran. Kawasan ini kini berada di timur laut Iran berhampiran bandar Masyhad, Khorasan. Di samping itu, beliau turut dikenali dengan gelaran 'al-Naisaburi'. Menurut Leaman (2002), sumbangan al-Ghazali dalam bidang keilmuan telah membawa kepada pelbagai pengiktirafan yang menjadikannya tokoh yang dihormati di peringkat dunia. Keunggulan dan kewibawaannya diakui di seluruh dunia, malah ada cendekiawan yang memberinya gelaran "*The Greatest Muslim*" selepas Nabi Muhammad SAW. Pandangan ini selari dengan hakikat bahawa al-Ghazali sering dikaitkan dengan pemikiran Islam yang mendalam terutamanya dalam bidang falsafah dan tasawuf.

Kehidupan keluarga al-Ghazali sederhana dan mereka sangat menitikberatkan prinsip Islam dalam rutin harian mereka. Sirajuddin (2007), menyatakan bahawa bapanya mencari rezeki dengan menenun kain daripada bulu binatang yang kemudiannya dijadikan pakaian dan dipasarkan di kedai sekitar bandar Tus, Khorasan. Sebelum bapanya meninggal dunia, bapanya telah mewasiatkan kepada sahabatnya yang merupakan ahli sufi untuk mendidik anaknya dengan pengetahuan agama. Ahli sufi tersebut menjaga al-Ghazali sehingga beliau berumur tujuh tahun. Ilmu pertama yang telah beliau pelajari ketika masih kecil ialah Ilmu Fiqh daripada Syekh Ahmad bin Muhammad ar-Radzani.

Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu mempelajari ilmu fiqh di peringkat seterusnya ke Jurjan, lebih kurang 160 km dari Tus. Beliau berguru dengan seorang guru fiqh yang bernama Abu Nasr Ismaili. Beliau menetap di kota Jurjan selama 5 tahun dan kembali ke tempat kelahirannya semula untuk menyebarkan ilmu yang telah beliau pelajari terutamanya masalah-masalah fiqh.

Pada sekitar tahun 473 Hijrah, al-Ghazali berpindah ke Naysabur, Iran untuk belajar lebih banyak ilmu dalam pengajian Islam dengan bimbingan Imam al-Juwayni. Semasa di sana, beliau belajar pelbagai disiplin ilmu termasuk fiqh, falsafah, sains, usuluddin dan mantik. Ilmu kalam antara mata pelajaran yang paling penting untuk dikuasainya. Beliau kemudiannya bertemu Nizam al-Muluk selepas kematian Imam al-Juwayni. Nizam al-Muluk tertarik dengan keilmuannya sehingga membawa kepada pelantikan sebagai tenaga pengajar ilmu fiqh di Madrasah Nizhamiyah, salah satu institusi pengajian tinggi terkemuka di Baghdad (Langgulong, 1987).

Selain itu, al-Ghazali turut diberi amanah untuk memegang jawatan naib cancellor (Griffel, 2009), suatu pengiktirafan tertinggi terhadap keunggulannya dalam keilmuan dan kepetahannya berhujah. Sepanjang tempoh berkhidmat di Madrasah Nizhamiyah, kepakaran serta kebijaksanaannya semakin terserlah. Dikatakan bahawa pada era tersebut, lebih kurang 400 sarjana dan pemimpin terkenal seluruh dunia telah mengunjunginya untuk mendalami ilmu. Menurut al-Syarabasi (1975) dan Qasim (1970), antara pemimpin tersebut termasuklah Abu al-Wafa Ali bin Aqil bin Ahmad al-Baghdadi, Abu Khattab al-Kalwadzani dan lain-lain.

Konsep Pendidikan Menurut Imam al-Ghazali

Pendidikan adalah suatu proses pemindahan nilai yang selaras dengan ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan sunnah sebagai panduan utama. Secara umumnya, sistem pendidikan Islam bersifat keagamaan serta berlandaskan kerangka etika dalam menetapkan matlamat dan sasarannya. Menurut al-Ghazali, pendidikan Islam bertujuan membentuk individu mencapai kesempurnaan di dunia dan di akhirat (Agus, 2018). Menurut al-Ghazali, seseorang itu boleh mencapai kesempurnaan jika sanggup menuntut ilmu dan mengamalkan ilmu yang dipelajari.

Konsep pendidikan dalam Islam menekankan bahawa pendidikan adalah satu aktiviti yang mesti mempunyai matlamat dan objektif yang jelas. Al-Ghazali sangat mementingkan aspek pendidikan kerana pendidikan berperanan penting dalam membentuk cara hidup dan pemikiran sesebuah bangsa (Aisyah, 2021). Al-Ghazali menjelaskan faktor-faktor yang harus ada dalam proses pendidikan adalah pendidik, anak didik, metode, bahan mengajar dan tujuan yang perlu seiring dengan kehendak Allah SWT. Beliau amat menekankan tujuan pendidikan agar dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan beliau tidak membenarkan tujuan kepada keduniaan semata-mata (Al-Ghazali, 2012). Al-Ghazali telah menggariskan tujuan pendidikan berdasarkan pandangannya tentang hidup dan nilai-nilai hidup dengan kata lain, sesuai dengan falsafah hidupnya.

Menurut al-Ghazali, bidang pendidikan perlu meletakkan ilmu pada kedudukan yang tinggi dan dihormati (Nawi, 2022). Sistem pendidikan yang tepat merupakan jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain tu, pendidikan berperanan sebagai pemangkin kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Komponen pendidikan yang penting perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Al-Ghazali menegaskan bahawa pendidikan perlu mengangkat martabat ilmu dan pengetahuan ke kedudukan yang paling istimewa agar dihormati dan dipandang mulia. Penghormatan ini bukan sahaja diberikan kepada ilmu itu sendiri tetapi juga kepada individu yang berpegang teguh kepada ilmu tersebut kerana ianya dianggap sebagai sesuatu yang bernilai dan terpuji. Bagi pandangan al-Ghazali, ilmu itu adalah sahabat setia ketika bersendirian, peneman di waktu sunyi, panduan dalam kehidupan beragama, sumber ketabahan dan penolong apabila menghadapi pelbagai kesulitan (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi 2023).

Pendidikan menurut Imam al-Ghazali dapat dirumuskan bahawa proses memanusiakan manusia sejak kejadiannya sampai akhir hayat melalui pelbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap. Proses pengajaran menjadi tanggungjawab orang tua dan masyarakat bagi mendekatkan diri kepada Allah swt menjadi manusia yang sempurna (insan kamil).

Tujuan Pendidikan Menurut Imam al-Ghazali

Menurut MacDonald (1899) tujuan pendidikan menurut Imam al-Ghazali terbagi kepada dua yaitu tujuan jangka panjang dan tujuan jangka pendek.

Tujuan pendidikan jangka panjang ialah mendekatkan diri kepada Allah swt. Proses pendidikan harus membawa manusia mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah swt sebagai pencipta. Semakin lama seseorang itu menuntut ilmu, semakin bertambah ilmu pengetahuan. Hal ini akan semakin mendekatkan diri kepada Allah.

Tujuan pendidikan jangka pendek diperoleh sesuai dengan bakat dan kemampuan seseorang. Syarat untuk mencapai matlamat ini ialah manusia perlu mengembangkan ilmu dengan menguasai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Dengan menguasai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah, manusia dapat melaksanakan tugas dan urusan kehidupan dengan sebaik-baiknya.

Tujuan pendidikan menurut Imam al-Ghazali dapat dirumuskan sebagai usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah swt melalui kesedaran melaksanakan ibadat fardu dan sunat, mengembangkan potensi manusia secara holistik, melahirkan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab di dunia, membentuk insan berakhlak mulia dengan jiwa yang bebas daripada sifat-sifat tercela serta memupuk sifat-sifat utama manusia untuk menjadi individu yang benar-benar sempurna (MacDonald, 1899).

Kurikulum Pendidikan Menurut Imam al-Ghazali

Menurut Imam al-Ghazali, terdapat dua aspek penting dalam kurikulum pendidikan. Pertama, pengelasan ilmu pengetahuan yang sangat terperinci. Kedua, imam al-Ghazali mendasari pemikirannya bahawa kurikulum pendidikan perlu disusun dan disampaikan mengikut tahap perkembangan fizikal dan mental anak-anak. Tahap kurikulum ini selaras dengan pendekatan pendidikan anak yang dianjurkan oleh Rasulullah saw. Tahap-tahap dan proses pendidikan dibahagikan kepada lima peringkat berdasarkan perkembangan intelektual pelajar :

Umur 0–6 tahun (bersifat formal):

Pada usia ini, anak berada dalam fasa asuhan ibu bapa. Anak perlu diasuh dan dijaga daripada perkara yang boleh merosakkan jasmani dan rohani termasuklah melaksanakan akikah dan pemberian nama yang baik. Pendidikan pada peringkat ini bersifat informal, di mana anak dibiasakan dengan amalan dan perbuatan yang baik melalui teladan dan praktikal. Usia ini dikenali sebagai fasa pendidikan secara pembiasaan. Fasa ini merupakan tempoh di mana kanak-kanak mengalami perkembangan yang sangat pesat atau disebut sebagai masa keemasan (golden age) Ketika berumur 4 hingga 6 tahun anak-anak akan belajar berinteraksi dengan rakan sebaya serta orang dewasa. Melalui interaksi ini, anak-anak akan memperoleh pelbagai jenis pengetahuan sama-ada bersifat positif mahupun negatif (Saputra, 2023).

Umur 6–9 tahun

Pendidikan pada umur ini bersifat formal. Anak mula memahami konsep-konsep asas yang telah dibiasakan sebelumnya. Pada peringkat ini juga, anak mampu menerima ganjaran dan hukuman, walaupun kesannya berbeza.

Umur 9–13 Tahun

Fasa ini dikenali sebagai peringkat pendidikan kesusilaan dan berdikari. Anak mulai mampu membezakan antara yang baik dan buruk sebagai lanjutan daripada pembiasaan terhadap nilai-nilai baik yang telah diterapkan sebelumnya.

Umur 13–16 Tahun

Pada usia ini, pendidikan memasuki fasa penilaian terhadap proses yang telah dilalui, bermula dari pembiasaan hingga pendidikan formal, kesusilaan, dan berdikari. Sekiranya terdapat kekurangan dalam pendidikan, anak perlu diberi bimbingan sekiranya perlu, tindakan seperti hukuman perlu diberikan, contohnya apabila meninggalkan solat.

Umur 16 tahun ke atas

Pada peringkat ini bermulanya pendidikan kedewasaan. Dalam Islam, usia ini dianggap sebagai tahap dewasa, di mana setiap amalan dan tindakan seseorang mempunyai nilai di sisi Allah SWT.

Imam al-Ghazali menekankan kepentingan menyusun kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak. Pendidikan harus disesuaikan dengan tahap kecerdasan pelajar, bermula dari fasa suai kenal secara tidak formal, diikuti dengan pendidikan formal dan seterusnya menuju fasa kematangan. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan ilmu, tetapi pembentukan akhlak, etika dan kesedaran nilai keagamaan. Dengan pendekatan ini, pendidikan dapat melahirkan individu yang seimbang dan mampu mengamalkan ajaran agama Islam dengan baik di dunia dan akhirat.

Prinsip Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Imam Al-Ghazali

Kajian oleh (Nu'tih Kamalia, 2015, Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010) menyatakan konsep pendidikan al-Ghazali melahirkan keperibadian muslim yang baik iaitu dengan pembentukan akhlak yang baik berdasarkan al-Quran dan sunnah yang mampu meningkatkan nilai-nilai moral dan sifat-sifat yang baik dalam kehidupan. Keseluruhan pendekatan mahupun kaedah yang dikemukakan oleh al-Ghazali lebih berpusatkan kepada pelajar (child center) iaitu dengan memberikan lebih keutamaan kepada pelajar-pelajar berbanding dengan guru mahupun para pendidik (Abdul Salam, 2003). Antara kaedah yang dicadangkan oleh al-Ghazali ialah kaedah contoh teladan, kaedah bimbingan dan kaunseling, kaedah cerita, kaedah motivasi dan kaedah mendorong semangat (reinforcement).

Seterusnya, al-Ghazali turut menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran pada asasnya melibatkan tiga perkara utama iaitu mata pelajaran yang dipelajari (al-mawad), orang menerima pelajaran (talib) dan orang yang memberi pengajaran (al-mualim). Perhubungan yang baik antara pendidik dan pelajar perlu sentiasa dipelihara agar proses belajar tersebut dapat berjalan dengan lancar (Yunus, Osman, & Ishak, 2011) dan bukannya apabila tamat sahaja sesi persekolahan dalam konteks masa kini, guru dan pelajar umpama saling tidak mengenali.

Pendidik perlu menyediakan peluang dan kemudahan bagi pelajar untuk memahami setiap aspek pelajaran yang diajarkan. Dalam konteks metodologi pendidikan, al-Ghazali memberikan penekanan besar terhadap kepentingan bimbingan dan pembiasaan kerana faktor usia, pemikiran, bakat, nilai integrasi dan matlamat dapat dicapai melalui penggunaan kaedah

tersebut. Berdasarkan hal ini, antara prinsip-prinsip metodologi pengajaran yang dikemukakan oleh Al-Ghazali dalam kitab Ihya' Ulumuddin adalah seperti yang berikut (Zainuddin, 1991; Fadli, 2017; Setyaningsih, 2015):

Memperhatikan *Marhalah* (Tahap) Daya Pemikiran Pelajar

Pendidikan yang berkesan memerlukan pemahaman yang mendalam tentang tahap pemikiran pelajar. Dalam konteks ini, pendidik hendaklah memastikan bahawa bahan pengajaran disesuaikan dengan kebolehan mental pelajar bagi menjamin keberkesanan proses pembelajaran.

“Seorang pendidik hendaklah memerhati daya kefahaman pelajarannya dan jangan menyampaikan pelajaran kepada mereka melebihi tingkat akal fikiran, sehinggakan mereka akan lari dari pengajian atau menjadikan tumpul otaknya.”

Berdasarkan kepada kenyataan ini, seseorang pendidik seharusnya dapat menyesuaikan pengajaran mengikut tahap pemikiran pelajar. Ini bermakna guru perlu memahami kapasiti pelajar untuk menerima dan memproses ilmu serta menyesuaikan pendekatan pengajaran agar lebih berkesan. Menurut Bhinnety (2015), kemampuan manusia untuk menyimpan dan menggunakannya semula maklumat adalah terhad. Oleh itu, penting bagi guru untuk memahami tahap pemikiran, pengetahuan dan minat pelajar. Hal ini akan membantu meningkatkan motivasi pelajar dan memastikan mereka benar-benar menguasai mata pelajaran tersebut.

Pengajaran yang lebih jelas

Pengajaran yang berkesan memerlukan pendidik untuk menyampaikan ilmu dengan cara yang sesuai dengan tahap pemikiran pelajar. Memahami perbezaan pemikiran dalam kalangan pelajar amat penting bagi memastikan setiap individu mendapat manfaat yang seimbang dalam proses pembelajaran.

“Seorang pelajar yang masih rendah tahap pemikirannya, hendaklah diberikan penjelasan yang nyata dan jelas baginya”

Kenyataan ini menekankan keperluan untuk menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza mengikut tahap kecerdasan pelajar. Bagi pelajar yang sukar memahami, pengajaran hendaklah disampaikan dengan jelas, mudah difahami dan berulang-ulang supaya mereka dapat menguasai konsep tersebut. Selain itu, guru hendaklah memastikan maruah pelajar supaya mereka berasa terhina. Bagi pelajar yang mempunyai kecerdasan tinggi, penerangan yang mudah sudah memadai dan mereka boleh faham. Maklumat melalui isyarat bukan lisan seperti pergerakan tangan. Pendekatan ini terbukti berkesan dan sering digunakan dalam pendidikan moden, contoh dalam penggunaan modul untuk pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dari tersurat kepada tersirat

Pengajaran yang berkesan memerlukan guru untuk menyeimbangkan pendekatan mereka antara ilmu implisit dan eksplisit. Dalam konteks ini, pengajaran tidak hanya terhad kepada penyampaian maklumat yang jelas, tetap perlu membimbing pelajar ke arah pemahaman yang lebih mendalam dan tersirat.

“Seorang pendidik janganlah mengabaikan aktiviti nasihat menasihati pelajarnya. Begitu juga dengan melarang pelajar untuk tidak mempelajari sesuatu ilmu yang tidak sesuai dengan tahapnya. Walau bagaimanapun, dituntut untuk memahami terlebih dahulu ilmu pengetahuan yang tersurat dan baharulah menguasai ilmu pengetahuan yang tersirat.”

Proses pengajaran harus dimulakan dengan perkara yang lebih asas sebelum bergerak kepada yang lebih kompleks, dari yang mudah kepada yang sukar atau dari pemahaman yang umum kepada yang lebih khusus. Ini adalah langkah penting dalam memastikan pelajar dapat menguasai ilmu secara berperingkat dan berkesan.

Pengajaran secara berperingkat

Pengajaran secara berperingkat merupakan pendekatan yang penting untuk memastikan pelajar menguasai setiap konsep secara mendalam sebelum beralih kepada konsep yang lebih kompleks. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar dan berkembang secara sistematik.

“Pendidik yang mengajarkan satu-satu topik mata pelajaran hendaklah memberikan kesempatan kepada Pelajarnya untuk menguasai topik pengajiannya secara beransur-ansur agar kemajuan dapat dicapai dan kesempatan untuk belajar dapat dipenuhi setingkat demi setingkat.”

Imam al-Ghazali menekankan kepentingan pengajaran yang berperingkat dengan memerhati tahap pemikiran dan kesediaan pelajar dalam menerima ilmu. Setiap pelajar perlu dibimbing untuk menguasai ilmu secara bertahap sesuai dengan objektif yang ditetapkan. Pandangan al-Ghazali mengenai metodologi pengajaran adalah selaras dengan prinsip-prinsip pendidikan moden yang menekankan pendekatan berperingkat. Al-Ghazali dengan pemikirannya yang melangkaui zaman telah mengubah paradigma pendidikan dan kini prinsip beliau perlu diteruskan dan dikembangkan oleh ahli akademik masa kini.

Kaedah Pengajaran Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali merupakan seorang ilmuwan Islam yang mempunyai pengaruh besar dalam bidang pendidikan. Pemikirannya bukan sahaja memperkayakan kefahaman ilmu agama, malah turut memperkenalkan pendekatan pedagogi yang masih relevan sehingga kini. Kaedah pengajaran yang dikemukakan oleh al-Ghazali tertumpu kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, akhlak dan rohani. Melalui karya *Ihya Ulum al-Din*, beliau merumuskan beberapa kaedah pengajaran yang sesuai mengikut tahap yang berbeza dan menjadi asas kepada kaedah tradisional dan moden. Empat kaedah utama yang diperkenalkan oleh al-Ghazali iaitu kaedah perbandingan, halakah atau pembelajaran berkumpulan, petunjuk dan bimbingan serta dialog dan perbincangan. Pendekatan ini bukan sahaja membuktikan kehebatan pemikiran al-Ghazali, tetapi juga peranannya dalam membentuk generasi pelajar yang unggul dan berintegriti.

Kaedah Perbandingan

Kaedah ini diaplikasikan dalam pengajaran dengan mengintegrasikan perbincangan ilmiah untuk membuktikan kebenaran sesuatu pendapat. Dalam kitab *Ihya Ulum al-Din*, al-Ghazali secara mendalam membincangkan perbandingan antara akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Akhlak yang mulia dianggap sebagai sesuatu yang memperindah rupa, memberikan

bantuan serta kelebihan dan bertindak sebagai penghalang terhadap segala bentuk penderitaan. Menurut Ibnu al-Wasiti, akhlak yang baik boleh digambarkan melalui usaha menghindari pertengkaran demi mencintai Allah SWT dan melindungi orang lain daripada perasaan kesedihan dan putus asa.

Kaedah Halakah atau Pembelajaran Berkumpulan

Sejak permulaan penyebaran dakwah Islam, kaedah ini telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan dalam institusi keilmuan Islam. Dalam kaedah ini, pelajar akan duduk dalam susunan separa bulatan mengelilingi guru untuk mendengar penjelasan yang diberikan. Al-Ghazali turut menerapkan kaedah ini apabila beliau mendirikan sebuah sekolah berhampiran rumahnya yang bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pembelajaran untuk pelajar tetapi juga tempat tinggal bagi ahli sufi. Dalam sesi pengajarannya, al-Ghazali menggunakan pendekatan halakah sebagai salah satu metodologi pendidikan di sekolah tersebut.

Kaedah Petunjuk dan Bimbingan

Al-Ghazali sangat berhati-hati dalam menyuarakan pendapatnya. Bagi memastikan pandangan itu berkesan, beliau akan mengamalkannya terlebih dahulu sebelum memberikannya kepada orang lain. Sebagai contoh, ketika mengajar asas-asas agama kepada anak-anaknya, beliau akan memulakan dengan kaedah demonstrasi atau tunjuk cara untuk mengukuhkan keberkesannya. Menurut Fathiyah Hassan Sulaiman (1986) al-Ghazali akan menguatkan lagi dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan menjelaskan isi kandungan dan maknanya.

Kaedah Dialog dan Perbincangan

Kaedah dialog merujuk kepada pendekatan yang melibatkan perbincangan dan perdebatan yang disertakan dengan fakta yang sahih, hujah balas dan kritikan yang membina. Menurut Abdullah Ishak (1989), Al-Ghazali mengaplikasikan kaedah pertukaran pandangan dan diskusi sebagai strategi untuk meningkatkan pemahaman individu terhadap ilmu pengetahuan. Pendekatan ini bertujuan untuk mengasah daya pemikiran, memperkukuh hujah serta meningkatkan keyakinan diri. Selain itu, membantu seseorang berkomunikasi secara spontan tanpa bergantung sepenuhnya kepada teks bertulis.

Kepimpinan Guru

Imam al-Gazali menekankan peranan penting kepimpinan guru sebagai elemen utama dalam melahirkan pelajar yang berilmu dan berakhlak. Konsep kepimpinan guru menurut al-Ghazali merangkumi tanggungjawab guru sebagai pembimbing, pendidik dan pemimpin ke jalan yang benar. Tujuan utama adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS).

Dalam konteks kepimpinan guru, al-Ghazali menggunakan istilah mursyid untuk menggambarkan peranan guru sebagai pemimpin. Selain itu, beliau turut menggunakan perkataan mu'allim dan mu'addib dalam karya-karyanya bagi merujuk kepada tanggungjawab guru dalam membimbing serta memimpin pelajar. Menurut al-Ghazali, mursyid ialah guru yang memimpin murtasyid (orang yang dipimpin). Al-Farabi pula dalam karyanya al-Siyasah al-Madaniyah menggunakan istilah ini untuk menerangkan kedudukan guru yang mencapai tahap al-Rais (ketua), iaitu individu yang memiliki kekuatan fitrah (fitrah qawiyyah) serta ilmu yang tinggi. Dari segi bahasa, perkataan mursyid berasal daripada kata kerja arsyada atau irsyad yang membawa maksud memberikan petunjuk. Dalam al-Quran, konsep irsyad dikaitkan

dengan panduan ke arah jalan yang benar serta peranan pemimpin dalam membimbing ke arah kebenaran.

Menurut kajian Ab Halim Tamuri et al. (2008, 2010), mursyid merupakan konsep kepimpinan guru yang diaplikasikan dalam bilik darjah. Tujuan utama konsep ini adalah memastikan kebajikan pelajar dengan memberikan bimbingan, nasihat, arahan dan dorongan bagi membantu perkembangan mereka sebagai insan yang soleh.

Dalam konteks pendidikan, guru bukan sekadar pendidik tetapi juga mursyid yang membentuk insan berkualiti. Menurut Zainal Abidin Ahmad (1975), al-Ghazali menegaskan bahawa konsep kepimpinan guru harus berteraskan ta'dib, yang menjadi asas utama dalam pendidikan. Ta'dib merangkumi elemen seperti taalim, tarbiah dan riadah dalam proses pembentukan pelajar secara holistik. Taalim merujuk kepada proses penyampaian ilmu, di mana al-Ghazali tidak menetapkan teknik pengajaran tertentu, sebaliknya memberi kebebasan kepada pendidik untuk memilih kaedah yang sesuai. Pendekatan ini mencerminkan pandangan fleksibel beliau dalam pendidikan.

Selain itu, tarbiah berkait rapat dengan proses pengasuhan yang memberikan asas kukuh kepada pelajar dalam kehidupan mereka. Sementara itu, riadah melibatkan latihan dan pembentukan disiplin yang turut dikenali sebagai tamrin atau tahdib. Konsep ini diterapkan dalam pendidikan awal kanak-kanak serta remaja melalui pemindahan pengetahuan dan bimbingan tingkah laku. Pendidikan ini bukan sahaja menanam disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajar tetapi juga membimbing mereka untuk menjalani kehidupan yang seimbang dan sederhana.

Menurut Kamarul Azmi (2010), peranan dan tanggungjawab guru menurut pandangan al-Ghazali menekankan aspek akhlak, pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran sebagai elemen utama dalam kepimpinan guru. Berdasarkan karya al-Ghazali dan kajian ahli akademik yang membincangkan pemikiran beliau, kepimpinan guru dapat dirumuskan melalui beberapa ciri utama. Antaranya ialah menerapkan kasih sayang keibubapaan, menjadi contoh teladan, pemangkin kepada pembentukan akhlak pelajar dan bertindak sebagai pengurus dalam pengajaran dan pembelajaran. Ciri-ciri ini mencerminkan pendekatan holistik yang menekankan aspek keberkesanan emosi, akhlak dan pedagogi dalam mendidik generasi masa hadapan.

Sahsiah Unggul

Sahsiah merujuk kepada aspek keperibadian unik seseorang yang membezakan individu tersebut daripada orang lain. Ia mencerminkan ciri dalaman yang menjadi identiti seseorang. Dalam konteks pendidikan, seorang murabbi yang juga berperanan sebagai pemimpin perlu memiliki keupayaan untuk membimbing pelajar agar menjadi Muslim yang berakhlak dan beradab. Pelajar yang cemerlang bukan sahaja menunjukkan kecemerlangan akademik tetapi juga menjaga hubungan yang baik dengan Allah SWT, Rasulullah SAW, keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling.

Al-Ghazali, bersama tokoh pendidikan lain seperti Imam an-Nawawi, Abdullah Nasih Ulwan, Ibnu Khaldun, Imam al-Qabisi serta Muhamad Salih Samak menegaskan bahawa pendidik memikul tanggungjawab besar dalam membentuk akhlak, sikap dan tingkah laku pelajar.

Kepimpinan Guru dalam Pendidikan Imam al-Ghazali

Berpandukan pemikiran al-Ghazali, terdapat lima tahap utama yang perlu diikuti dalam proses pengajaran dan pembelajaran, iaitu tidak bercakap tanpa keperluan, mendengar dengan teliti, mengulang kaji, memberi tumpuan padaperkara yang berguna dan memfokuskan perbuatan yang bermanfaat. Lima panduan ini menjadi asas kepada ciri-ciri kepemimpinan seorang pendidik yang efektif untuk membimbing pelajar dengan lebih berkesan.

Seorang pendidik hendaklah mengamalkan pendekatan penuh belas kasihan dan mengelak daripada kritikan atau cercaan terhadap pelajar, menjadikan mereka memahami kepentingan menuntut ilmu untuk keredhaan Allah dan bukan hanya untuk kepentingan dunia sahaja. Selain itu, pelajar hendaklah dibimbing untuk menumpukan perhatian kepada ilmu dengan penuh keazaman serta membentuk sikap rendah diri terhadap ilmu dan pendidik. Sebagai asas yang kukuh, mereka perlu memahami dan mendalami ilmu agama sebelum meneroka bidang ilmu lain secara lebih mendalam.

Di samping itu, pendidik wajar memberi kebebasan kepada pelajar untuk menyatakan pendapat mereka dalam persekitaran yang terkawal dengan garis panduan yang jelas. Pembelajaran juga perlu dilaksanakan secara berperingkat mengikut kebolehan dan kecerdasan pelajar supaya mereka dapat memahami ilmu dengan lebih berkesan. Pemberian ganjaran seperti hadiah atau pengiktirafan atas pencapaian pelajar merupakan salah satu cara untuk mendorong persaingan yang sihat. Akhir sekali, persekitaran pembelajaran yang positif harus digalakkan dengan menerima kepelbagaian dalam kalangan pelajar serta mewujudkan persekitaran yang menggembirakan dan kondusif bagi perkembangan intelektual dan sahsiah mereka.

Panduan ini membantu pendidik mencipta suasana pembelajaran yang harmoni dan menyokong perkembangan holistik pelajar.

Hukuman dan Ganjaran

Konsep hukuman dan ganjaran dibincangkan secara meluas dalam karya al-Ghazali, khususnya dalam konteks pendidikan. Dalam kitab *Ihya Ulumuddin*, al-Ghazali memberikan huraian terperinci tentang prinsip, nilai dan pendekatan yang sesuai dalam melaksanakan hukuman atau ganjaran kepada pelajar sebagai sebahagian daripada proses pendidikan.

Dalam aspek hukuman, al-Ghazali tidak begitu ketara dalam menganggap hukuman sebagai proses pendidikan yang utama. Menurut al-Ghazali (1990), terdapat beberapa syarat yang mesti dipenuhi sebelum hukuman boleh diberikan kepada pelajar. Pertama, apabila pelajar melakukan kesalahan, para pendidik dinasihatkan supaya memberi peluang kepada mereka terlebih dahulu untuk memperbaiki diri. Pendekatan ini membolehkan pelajar menyedari kesalahan mereka untuk mengelak daripada mengulaginya pada masa hadapan.

Jika langkah pertama tidak berkesan, langkah kedua yang boleh diambil ialah dengan memberikan teguran, kecaman, atau kritikan ringan. Teguran ini harus diberikan secara tertutup bagi mengelakkan rasa malu yang berlebihan. Selain itu, nasihat yang diberikan haruslah bersifat ringkas, berhikmah dan mudah difahami tanpa menggunakan bahasa yang rumit agar mesej yang disampaikan lebih berkesan.

Sekiranya pelajar masih tidak menunjukkan perubahan walaupun telah ditegur, pendidik boleh meneruskan ke langkah ketiga iaitu hukuman. Sekiranya hukuman fizikal perlu, ia harus

dilaksanakan dengan berhati-hati dan tidak menyebabkan kesakitan yang berlebihan. Hukuman yang dikenakan juga mestilah bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan dan dilaksanakan secara adil bagi memastikan keberkesanannya dalam mendidik pelajar.

Ganjaran merupakan salah satu instrumen pendidikan yang mampu memberi impak positif dan berkesan kepada pelajar. Selain itu, ganjaran juga berfungsi sebagai bentuk penghargaan terhadap pencapaian mereka. Al-Ghazali berpendapat bahawa apabila pelajar menunjukkan akhlak yang baik dan terpuji, mereka wajar diberikan ucapan penghargaan, ganjaran atau hadiah. Menurut Muzakki (2017), al-Ghazali mengklasifikasikan ganjaran kepada tiga kategori utama. Pertama, penghargaan boleh diberikan secara lisan atau bukan lisan. Penghargaan lisan termasuklah ungkapan seperti terbaik, bijak, bagus dan sebagainya. Sementara itu, penghargaan bukan lisan boleh disampaikan melalui gerak isyarat seperti menundukkan kepala sebagai tanda setuju, memberikan senyuman, mengangkat ibu jari, bertepuk tangan atau menepuk bahu. Selain itu, hadiah juga merupakan bentuk ganjaran dalam bentuk material yang bertujuan untuk memberikan kegembiraan kepada pelajar. Nilai hadiah tidak semestinya mahal atau mewah, tetapi lebih kepada manfaat dan kegunaannya.

Pemberian hadiah juga tidak perlu dilakukan secara berterusan, sebaliknya diberikan hanya dalam keadaan tertentu. Selain itu, pujian juga boleh dijadikan bentuk ganjaran yang diberikan di hadapan orang lain. Pendekatan ini bertindak sebagai satu bentuk penghormatan yang boleh dilakukan secara terbuka, seperti di hadapan rakan sekelas, ibu bapa atau semasa acara rasmi seperti perhimpunan sekolah.

Adab Terhadap Pendidik

Adab memainkan peranan penting dalam proses menuntut ilmu, terutama dalam membina hubungan yang harmoni antara pelajar dan pendidik. Menurut Sheikh Abdullah bin Mubarak dalam karyanya *Ghoyatul Nihayah fi Tobaqat al-Qira'*, seseorang perlu memahami adab terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan dalam menuntut ilmu. Beliau menyatakan, "Aku mendalami adab mencari ilmu sekitar 30 tahun, selepas itu baharulah menuntut ilmu." Pandangan ini menunjukkan bahawa adab adalah elemen penting yang mendahului proses memperoleh ilmu. Hal ini membentuk pelajar agar bersedia secara rohani dan emosi dalam proses menuntut ilmu.

Menurut al-Ghazali seperti yang dijelaskan oleh Yasin (2008), adab seorang pelajar terhadap pendidik terbahagi kepada beberapa kriteria penting. Ini termasuklah sikap hormat-menghormati, ikhlas dan patuh kepada arahan guru yang kesemuanya bertujuan memastikan keberkatan dalam ilmu yang diterima. Penekanan kepada adab ini bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan, tetapi juga membentuk hubungan yang harmoni antara pelajar dan pendidik yang menjadi asas kejayaan pendidikan dalam Islam.

Penekanan tingkah laku yang baik dalam menuntut ilmu bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih berkesan, malah mewujudkan hubungan yang harmoni antara pelajar dan pendidik. Hubungan ini merupakan asas kejayaan pendidikan dalam Islam, di mana pelajar hendaklah menyucikan hati dan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah yang boleh menghalang keberkatan dalam menuntut ilmu. Selain itu, mereka dinasihatkan agar tidak terlalu terikat dengan urusan dunia serta menjaga jarak dengan keluarga dan kampung halaman bagi memastikan fokus sepenuhnya terhadap pembelajaran. Dalam usaha menimba ilmu, pelajar juga tidak boleh bersikap sombong atau berbangga dengan ilmu yang dimiliki, apatah lagi

mencabar atau memperlekehkan gurunya. Pada peringkat awal pembelajaran, mereka seharusnya menjaga adab dengan menghindari perdebatan yang tidak mendatangkan manfaat serta memastikan kehadiran dalam sesi pengajian tanpa ponteng atau mengabaikan tanggungjawab sebagai penuntut ilmu.

Tambahan pula, pelajar tidak digalakkan bersikap tamak dalam menuntut ilmu pelbagai bidang secara serentak tanpa memahami dan menguasai setiap satu dengan sepenuhnya. Sebaliknya, mereka perlu mengutamakan penguasaan ilmu secara mendalam dalam sesuatu bidang sebelum beralih ke bidang lain bagi memastikan kefahaman yang kukuh. Keutamaan dalam menuntut ilmu bukan sekadar memperoleh pengetahuan, tetapi juga untuk memperbaiki jiwa dan membentuk keperibadian yang mulia. Oleh itu, setiap ilmu yang dipelajari haruslah dihayati dengan kesedaran bahawa ia bertujuan untuk membentuk jati diri dan memperindah akhlak seseorang.

Akhirnya, pelajar perlu memahami bahawa ilmu yang diperoleh bukan sekadar alat untuk kejayaan duniawi, tetapi harus dikaitkan dengan hala tuju dan matlamat kehidupan secara keseluruhan. Ilmu yang benar akan membimbing seseorang dalam membuat keputusan yang baik serta menjalani kehidupan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Oleh itu, adab dalam menuntut ilmu bukan hanya sekadar melengkapkan proses pembelajaran, tetapi menjadi tunjang kepada pembentukan individu yang berilmu, berakhlak, dan berperibadi unggul dalam masyarakat.

Dalam kitab *al-Adab fi ad-Din*, Imam al-Ghazali menegaskan bahawa proses pendidikan pelajar harus merangkumi aspek teladan, latihan dan istiqamah. Perkembangan sahsiah ini akan berlaku secara perlahan-lahan sehingga sempurna. Daripada penjelasan ini, al-Ghazali menggariskan dua syarat utama dalam pembentukan akhlak iaitu pendidikan berterusan dan berulang-ulang sehingga menjadi kebiasaan. Kaedah mendidik mestilah secara sukarela lahir daripada hati pendidik yang ikhlas tanpa dipengaruhi oleh tekanan, paksaan atau dorongan yang tidak berasas.

Rumusan

Imam al-Ghazali (1058–1111) merupakan tokoh Islam terkemuka yang memberikan sumbangan besar dalam bidang pendidikan yang masih relevan sehingga kini. Beliau memperkenalkan konsep pendidikan bersepadu yang menggabungkan aspek rohani, intelek dan moral dengan penekanan kepada pembentukan individu yang berilmu dan berakhlak mulia. Pendidikan menurut al-Ghazali bertujuan untuk menyucikan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah, menjadikan ilmu sebagai alat untuk memperbaiki diri dan bukan sekadar kebanggaan di dunia. Dalam karya beliau seperti *Ihya' Ulum al-Din*, beliau menekankan peranan pendidikan dalam membentuk akhlak dan adab pelajar yang dianggap asas kepada keberkesanan proses pembelajaran.

Beliau juga memperkenalkan kaedah pengajaran berperingkat sesuai dengan kemampuan dan keperluan pelajar, serta menggalakkan konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi memperbaiki diri dan mencapai kesejahteraan dunia serta akhirat. Al-Ghazali menekankan keseimbangan antara ilmu dunia dan akhirat, menyatakan kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk individu yang seimbang. Guru dalam pandangan beliau memainkan peranan penting sebagai teladan dengan sifat-sifat seperti keikhlasan, kasih sayang terhadap pelajar, keilmuan mendalam dan kemahiran pedagogi.

Selain itu, beliau menekankan pentingnya menghormati guru dan ilmu serta menyeru pelajar untuk bersikap rendah hati dan memiliki tujuan yang jelas dalam menuntut ilmu. Karya-karya beliau seperti *Ihya' Ulum al-Din*, *Mizan al-'Amal* dan *Bidayat al-Hidayah* memberikan panduan holistik tentang pendidikan bertujuan melahirkan individu yang bertanggungjawab kepada keluarga, masyarakat dan umat. Sumbangan ini menjadikan pendidikan menurut al-Ghazali sebagai asas kepada pembangunan masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam.

Rujukan

- Agus, Z. (2018). Pendidikan Islam dalam perspektif al-Ghazali. *Raudhah Proud To Be Professionals: Jurnal Tarbiyah Islamiyah*, 3(2), 21-38.
- Aisyah, N. (2021). Konsep Pendidikan Islam Menurut Al-Ghazali (Sebuah Analisis Terhadap Kurikulum Pai). *HIKMAH: Jurnal Pendidikan Islam*, 10(1), 76-90.
- Al-Dzahabi, S. M. A. (2014). Siyar A'lam al-Nubala. *Mu'assassat al-Risalah, Edisi Empat*.
- Artika, L., Rabbani, M. Y., Nafis, M. R. R., Siregar, N., & Gusnanda, I. (2023). Biografi Tokoh Tasawuf Al-Ghazali. *Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan Dan Kebudayaan*, 1(2), 29-55.
- Baba, S. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Alaf 21.
- Fadli, A. (2017). Konsep Pendidikan Imam Al-Ghazali Dan Relevansinya Dalam Sistem Pendidikan Di Indonesia. *El-Hikam*, 10(2), 276-299.
- Griffel, F. (2009). *Al-Ghazālī's Philosophical Theology*. Oxford University Press.
- Janin, H. (2005). *The Pursuit of Learning In The Islamic World*. McFarland, Jefferson.
- Langgulong, H. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Pustaka al-Husna.
- Leaman, O. (2002). *An Introduction to Classical Islamic Philosophy*. Cambridge University Press.
- MacDonald, D. B. (1899). The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions. The Life of al-Ghazzali, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, M. R. O., Muhammad Amirul Mohd Nor. (2023). *10 Tokoh Cendekiawan Pendidikan Islam Teknik Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan dalam Pendidikan Islam*. Rimbun Islamik Media Sdn bhd.
- Musfioh, I. A. (2014). Pemikiran Pendidikan Islam Perspektif al-Ghazali. *SYAMIL: Jurnal Pendidikan Agama Islam (Journal of Islamic Education)*, 2(1), 14-14.
- Muzakki, J. A. (2017). Pemikiran Al-Ghazali Tentang Ganjaran Dan Hukuman Dalam Pendidikan Islam. *AWLADY: Jurnal Pendidikan Anak*, 3(1), 1-11.
- Nawi, M. Z. M. (2022). Falsafah Dan Kurikulum Pendidikan Islam Abu Hamid Al-Ghazali. *Journal on Technical and Vocational Education*, 7(2), 13-24.
- Nor, M. A. M., & Nawi, M. Z. M. (2020). Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi. *Sains Insani*, 5, 75.
- Rusn, A. I. (1998). *Pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan*. Pustaka Pelajar. <https://books.google.com.my/books?id=bp5HAgAACAAJ>
- Saputra, D. (2023). Konsep Pendidikan Karakter Anak Perspektif Imam Al-Ghazali dalam Kitab Ayyuha Al-Walad dan Relevansinya Ditengah Modernisasi Pendidikan. *Adabuna: Jurnal Pendidikan Dan Pemikiran*, 3(1), 35-45.
- Setyaningsih, K. (2015). Analisis Perbandingan Pemikiran Pendidikan Antara Al-Ghazali dengan BF Skinner. *Tadrib: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 32-46.
- Sirajuddin. (2007). *Filsafat Islam*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Yasin, A. F. (2008). Dimensi-dimensi pendidikan Islam. In: UIN-Maliki Press.
- Zainuddin. (1991). *Seluk-beluk pendidikan dari Al-Ghazali*. Bumi Aksara.